

**IKTIKAF SEPULUH TERAKHIR RAMADAN
14 APRIL 2023 | 23 RAMADAN 1444H**

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Allah Subhanahu wa-Ta'ala melipat gandakan ganjaran pahala pada bulan Ramadan terutamanya pada sepuluh terakhir pada bulan ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memperbanyakkan ibadah dan amal soleh seperti solat-solat sunat, bacaan al-Quran, berzikir, berdoa, bersedekah dan beriktikaf. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah, ayat 187:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُبَشِّرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا كَذَلِكَ
يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

Yang bermaksud: “Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib) dan janganlah kamu campuri isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukum-Nya kepada sekalian manusia supaya mereka bertakwa.”

Di antara ibadah yang sangat diambil berat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada sepuluh terakhir Ramadan ialah ibadah iktikaf. Amalan beriktikaf bermula pada malam 21 Ramadan, hendaklah berada di masjid sebelum waktu maghrib, berakhir pada malam raya dan yang lebih afdalnya mengakhirkan iktikaf tersebut selepas menunaikan solat sunat hari raya Aildilfitri. Ia dilakukan dengan bersungguh-sungguh dengan penuh mujahadah melebihi hari-hari lain dalam bulan Ramadan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat daripada Imam Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مَا
لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Yang bermaksud: “Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersungguh-sungguh pada 10 terakhir tidak seperti bulan-bulan yang lain.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*

Kebanyakan masyarakat kita memahamkan bahawa iktikaf Ramadan itu sekadar hadir seketika ke masjid sama ada pada malam atau siang, sedangkan hakikatnya yang dimaksudkan iktikaf 10 terakhir Ramadan yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah beriktikaf penuh sepuluh hari terakhir Ramadan tanpa keluar daripada masjid, melainkan dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan bagi keperluan diri seseorang. Amalan tersebut dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara berterusan sehingga kewafatannya dan kemudiannya diteruskan oleh isteri-isteri baginda. Bahkan baginda Sallallahu Alaihi Wasallam melakukannya pada tahun terakhir sebelum kewafatannya dengan beriktikaf selama dua puluh hari seperti hadis Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Saidatina Aisyah Radiallahu Anha:

Yang bermaksud: *“Bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan iktikaf setiap bulan Ramadan selama sepuluh hari, maka ketika di tahun menjelang wafatnya, Rasulullah beriktikaf dua puluh hari. Dan isteri-isterinya beriktikaf setelah itu.”*

Oleh itu, marilah kita berusaha sedaya upaya mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan beriktikaf pada sepuluh terakhir bulan Ramadan. Amalan ibadah iktikaf seperti ini hendaklah kita menghidupkannya kembali kerana amalan ini dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam setiap tahun.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*

Antara rahsia dan hikmah iktikaf di masjid, kita dapat beruzlah (mengasingkan diri) untuk sementara waktu daripada kesibukan dunia. Dengan itu, kita dapat meluangkan banyak masa berfikir tentang kebesaran dan keagungan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di samping bermuhasabah terhadap diri

sendiri. Masa lapang beriktikaf di masjid dapat dimanfaatkan dengan bacaan al-Quran, bertadarus dan bertadabbur. Kita juga mempunyai waktu untuk melakukan solat-solat sunat seperti tahajud, solat taubat, solat hajat, solat tasbih dan lain-lain lagi dengan tenang dan khusyuk tanpa sebarang gangguan. Inilah kelebihan iktikaf dalam membina hubungan kerohanian dengan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Kelapangan masa semasa beriktikaf dapat diisi juga dengan zikir-zikir dan doa-doa dapat membina jiwa yang murni dan luhur. Zikir juga adalah makanan ruh yang menguatkan keimanan dan tautan hubungan serta kasih sayang dengan Allah yang tidak dapat dirasai dan dinikmati melainkan oleh mereka yang menghayatinya dengan pengalaman sendiri.

Semoga dengan penghayatan dan kesungguhan kita beribadah pada sepuluh terahir Ramadan akan menjadi asbab untuk mendapat kemuliaan malam Lailatul qadar. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar saidatina Aisyah berdoa pada malam Lailatul qadar seperti hadis Imam al-Tirmizi:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Yang bermaksud: *“Ya Allah, Engkau Maha Pengampun, menyukai orang yang minta ampunan, maka ampunilah aku.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*

Marilah kita bersama-sama menghidupkan sepuluh terakhir Ramadan dan Lailatul qadar dengan ibadah dan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Semoga dengan ibadah tersebut, kita akan

dikurniakan syurga dan diampunkan dosa-dosa yang lepas. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.